

# Bimbang hakisan tanah makin serius

Sinar Harian 02/07/2020 M/S 5

**PUCHONG** – Cuaca tidak menentu kebelakangan ini menyebabkan 16 penghuni di Jalan 11 Taman Bukit Kuchai dekat sini tidak lena tidur kerana bimbang rumah yang terletak di lereng bukit bahagian belakang kediaman mereka rebah.

Penduduk mendakwa, kejadian tanah runtuh yang berlaku baru-baru ini di tempat sama menambahkan lagi igauan ngeri mereka terhadap perkara itu selepas didakwa tiada tindakan diambil pihak bertanggungjawab.

Penduduk, Azmi Mohd Yusof, 62, berkata, dia bimbang tanah di lereng bukit yang kini terhakis sedikit demi sedikit itu akan merebak dengan lebih serius dan membawa kepada kegelongsoran rumah di atas.

“Cuaca yang kadang-kadang hujan lebat menyebabkan tanah dari kawasan atas itu terhakis dan hanya bertahan pada beberapa batang pokok yang ada di situ.

“Jika masih tiada tindakan penyelesaian bagi menghalang kejadian hakisan itu, saya bimbang nasib keluarga yang tinggal kurang satu meter dari tempat berisiko itu,” katanya.

Menurutnya, pihak berkenaan tidak seharusnya menunggu sehingga ada kematian atau kemalangan dilaporkan barulah tindakan hendak diambil.

“Sejak 2001 lagi saya sudah membuat beberapa kali aduan berkenaan hakisan tanah sehinggalah kejadian benar-benar berlaku dan



■ Keadaan hakisan tanah yang didakwa makin serius sehingga menimbulkan kebimbangan kepada penduduk di bawah lereng bukit.

mengakibatkan runtuhnya tanah berdekatan sebuah rumah yang dibina di Taman Kinrara Seksyen 7 itu.

“Daripada aduan itu, ada pihak yang datang membina tembok namun kini ia mungkin tidak lagi berupaya menahan hakisan tanah yang datang dari bahagian atas,” katanya yang sudah menetap di situ sejak 25 tahun lalu.

Sementara itu, Pegawai Penyla-

ras Kawasan Dewah Undangan Negeri (DUN) Kinrara, Wong Hock Aun ketika mendengar aduan penduduk berharap pihak berwajib dapat menambahkan ketinggian tembok berkenaan untuk mengelakkan tragedi berlaku, kelak.

Beliau berkata, tindakan segera perlu diambil memandangkan ia berkaitan soal keselamatan penghuni yang tinggal di lereng bukit itu.